

TEMA 1

TAJUK

KUMPULAN SASARAN : KANAK-KANAK PRA SEKOLAH (4- 6 TAHUN)

OBJEKTIF

: MEKANISME PERTUTURAN MANUSIA

: PENGHASILAN BUNYI VOKAL

: MEMPERKENALKAN CARA PENGHASILAN VOKAL



Scene: Pengenalan Ahli Kumpulan

- Andi Arnaisah Binti Andi Arnis (148634)
- Siti Aisyah Faiqah Binti Amizan (145911)
- Nur Effa Shafiza Binti Shamsudin (145566)
- Mohamad Norhafizi Bin Husin (148018)

NOTES: 1 MINIT

capcut, muzik latar

Scene: Pengenalan Tajuk

1) Vokal ialah bunyi yang dihasilkan secara lantang dan udara akan bergerak terus menerus dari paru-paru ke rongga pertuturan tanpa halangan. Ketika bunyi-bunyi vokal dihasilkan, tiada sekatan dan penyempitan berlaku diantara titik artikulasi dengan artikulator.



2) Huruf Vokal [a],[e],[i],[o],[u], [ə], [ɛ], [ɔ]

3) Kumpulan sasaran untuk projek ini ialah kanak-kanak prasekolah berusia 4 hingga 6 tahun

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D

Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Depan Sempit [i]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal depan sempit [i], proses yang berikut berlaku:

1. Bibir dihamparkan.
2. Pembukaan rahang sempit.
3. Depan lidah dinaikkan tinggi (setinggi mungkin) ke arah alveolar.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara daripada paru-paru keluar dengan menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal depan sempit

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D

Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Depan Luas [a]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal depan luas [a], proses yang berikut berlaku:

1. Bibir dalam keadaan hampar.
2. Pembukaan rahang luas.
3. Depan lidah diturunkan serendah mungkin.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara daripada paru-paru tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara daripada paru-paru keluar dengan menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal depan luas [a]

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D



Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Depan Separuh Luas [ɛ]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal depan separuh luas [ɛ], proses yang berikut berlaku:

1. Bibir dihamparkan.
2. Pembukaan rahang separuh luas.
3. Depan lidah dinaikkan separuh rendah ke alveolar.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara daripada paru-paru keluar dengan menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal depan separuh luas [ɛ].

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D

Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Depan Separuh Sempit [e]

Untuk menghasilkan bunyi vokal depan separuh sempit [e], perkara yang berikut berlaku:

1. Bibir dihamparkan.
2. Pembukaan rahang separuh sempit.
3. Depan lidah dinaikkan separuh tinggi ke arah alveolar.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara daripada paru-paru keluar dengan menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal depan sempit [e].

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D

Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Tengah [ə]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal tengah [ə], proses yang berikut berlaku:

1. Keadaan bibir hampar.
2. Pembukaan rahang sempit.
3. Tengah lidah dinaikkan sedikit ke arah palatal.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara yang keluar daripada paru-paru ke rongga mulut menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal tengah [ə].

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D


Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Belakang Sempit [u]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal belakang sempit [u], proses yang berikut berlaku:

1. Bibir dibundarkan.
2. Pembukaan rahang sempit.
3. Belakang lidah dinaikkan setinggi mungkin ke arah velum.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara yang keluar daripada paru-paru menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal belakang bundar [u].

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D



Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Belakang Separuh Sempit [o]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal belakang separuh sempit [o], proses yang berikut berlaku:

1. Bibir dibundarkan.
2. Pembukaan rahang separuh sempit.
3. Belakang lidah dinaikkan separuh tinggi ke arah velum.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara daripada paru-paru keluar ke rongga mulut menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal belakang separuh sempit [o].

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D

Scene: Penghasilan Bunyi Vokal Belakang Separuh Luas [ɔ]

Untuk mengartikulasikan bunyi vokal belakang separuh luas [ɔ], proses yang berikut berlaku:

1. Bibir dibundarkan.
2. Pembukaan rahang separuh luas.
3. Belakang lidah dinaikkan ke arah velum.
4. Velum dan uvula dinaikkan menutup rongga hidung supaya udara tidak dapat keluar melalui rongga hidung.
5. Pita suara dirapatkan supaya udara daripada paru-paru keluar dengan menggetarkan pita suara.
6. Bunyi yang dihasilkan ialah bunyi vokal belakang separuh luas [ɔ].

NOTES: 2 MINIT

powerpoint, capcut, video pergerakan bibir, gambar rongga mulut 2D

Scene: Video Vokal

Pak Atan ada ikan, ikan Pak Atan, i i kan, i i ikan, i i ikan, ikan Pak Atan
 ikan ada ekor, ekor ikan, e e ekor, e e ekor, e e ekor, ikan ada ekor
 ekor ikan enak, enak ekor ikan, e e enak, e e enak, e e enak ekor ikan enak
 enak makan ayam, makan ayam, a a ayam, a a ayam, a a ayam, makan ayam
 ayam enak masak, enak masak, ə ə enak, ə ə enak, ə ə enak, enak masak ayam
 ayam dengan udang, ayam udang, u u udang, u u udang, u u udang, makan dengan udang
 udang ada otak, otak udang, o o otak, o o otak, o o otak, otak udang
 semua orang ada otak, o o orang, o o orang, o o orang, semua orang

NOTES: 2 MINIT

Lagu vokal (irama lagu pak atan)

Scene: Video Perbezaan Vokal

Tanya sama cikgu, berapa jenis vokal, nanti jawab cikgu, semuanya 8, tanya sama cikgu, apa vokal itu, nanti jawab cikgu, a e i o u dan 3 vokal tambahan
 5 vokal itu, kita gunakan, dalam pertuturan dan penulisan, tapi vokal tambahan, hanya digunakan oleh orang-orang di pertuturan
 3 vokal tambahan, e, ə, ɔ
 mari kita lihat cara penggunaannya, mengikut dialek dalam negeri-negeri, baru lebih faham dan mengerti
 - irama tanya sama pokok -

Ini dia vokal e e e, e e e, e e e, dalam dialek terengganu contohnya molek, contohnya molek, kamu sungguh molek
 ini dia vokal ə ə ə, ə ə ə, ə ə ə, dalam dialek negeri perak, contohnya kualə, contohnya kualə, kualə kangsar
 ini dia vokal ɔ ɔ ɔ, ɔ ɔ ɔ, ɔ ɔ ɔ, dalam dialek negeri kelantan, contohnya borak, contohnya borak, jom borak kawan kawan
 - irama lagu haiwan didi n friends -

NOTES: 2 MINIT

Lagu perbezaan vokal (irama lagu tanya sama pokok dengan didi and friends)

Scene: Penutup

- Semua bunyi vokal merupakan bunyi-bunyi yang bersuara.
- Oleh itu, projek ini amatlah sesuai dilakukan kepada pelajar pra sekolah yang berusia 4 hingga 6 tahun kerana pada usia ini kanak-kanak baru belajar untuk mengenal abjad [a] [e] [i] [u] [o] dan juga cara sebutannya.

Ingat ya murid ingat,
berapa huruf vokal? 8? pandai!
8 vokal asas dan 3 vokal tambahan,
kalau nanti murid lupa,
jangan lupa bertanya, lalalalalalalala
cikgu selalu ada, lalalalalalala
cikgu selalu ada
- irama lompat si kata lompat -

penghargaan

NOTES: 1 MINIT

powerpoint, capcut, lagu penutup (irama lompat si kata lompat)

TERIMA
KASIH

